

**PEKELILING RASMI NAIB CANSOLOR BIL. 2/2021****PENUTUPAN SELURUH PREMIS
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA****1.0 TUJUAN**

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 2/2021 ini adalah bagi memaklumkan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti mengenai **Penutupan Seluruh Premis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.**

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN PREMIS UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' Fasa Pertama mulai 1 Jun hingga 14 Jun 2021.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, selaras dengan pengumuman yang telah dibuat ini, seluruh Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh serta sebuah pusat Latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah ditutup bermula **1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021.**
- 2.3 Penutupan kampus ini akan melibatkan keseluruhan operasi pentadbiran staf akademik dan pentadbiran, **KECUALI staf Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Keselamatan dan Kolej Kediaman, serta Pejabat Pendaftar dan Pejabat Bendahari (yang terlibat secara langsung dengan penyediaan Penyata Perubahan Pendapatan (ROC) dan proses pembayaran berkaitan) adalah dibenarkan beroperasi dengan bilangan staf yang minimum.**
- 2.4 Semua staf akademik dan pentadbiran adalah diberikan kebenaran untuk Bekerja Dari Rumah (WFH) dan staf perlu merekodkan kehadiran menggunakan *web attendance*, mengikut tempoh masa bekerja sehari yang telah ditetapkan.
- 2.5 Ketetapan berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan hal ehwal pelajar akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi kesemua langkah-langkah pencegahan dan SOP keselamatan dan kesihatan yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
30 Mei 2021